

26/09/2001

Selangor sedia rumah untuk setinggan dari KL

Hasnira Hassan

SUBANG JAYA, Selasa - Kerajaan Selangor akan menyediakan rumah kos rendah bagi menempatkan sementara setinggan dari Kuala Lumpur, yang menunggu projek perumahan mereka siap.

Ini dibuat melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam usaha menghapuskan setinggan di ibu negara menjelang 2003.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata pihaknya sudah merizabkan satu projek perumahan kos rendah di Lembah Subang di sini, bagi tujuan itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya tidak menetapkan jumlah unit rumah yang diperlukan untuk tujuan itu, kerana ia akan ditetapkan selepas perbincangan kedua-dua pihak dari semasa ke semasa.

"Selangor mempunyai jumlah rumah kos rendah yang mencukupi bukan saja untuk menempatkan semula setinggan dari negeri ini tetapi juga penempatan sementara bagi setinggan dari Kuala Lumpur.

"Bagaimanapun, kesediaan kami adalah untuk sementara saja. Apabila penempatan baru sudah siap dibina di ibu negara, mereka akan dipindahkan semula," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perjumpaan antara Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah dengan ketua-ketua kampung Selangor di sini, hari ini.

Majlis itu dihadiri 357 ketua kampung dan 52 datuk penghulu dari seluruh negeri ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengumumkan kerajaan akan mengatasi sepenuhnya masalah setinggan di ibu kota menjelang 2003, manakala kerajaan Selangor pula menetapkan sasaran untuk menghapuskan setinggan menjelang 2005.

Dr Mohamad Khir berkata, bagi memastikan masalah setinggan dapat diatasi, kerajaan negeri akan mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) membeli baki rumah kos rendah yang tidak dapat dijual untuk disewakan kepada penduduk tempatan dan pendatang asing yang sah.

Sementara itu, Tengku Idris Shah ketika berucap pada majlis itu berkata, ketua kampung sepatutnya menjadi `mata' dan `telinga' kerajaan.

Sehubungan itu, mereka perlu menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin bagi memastikan penduduk kampung hidup dalam aman dan tenteram.

"Ketua kampung jangan hanya pandai memberi arahan, sebaliknya harus bersedia menerima pandangan daripada golongan yang dipimpinya.

"Janganlah seseorang ketua kampung itu mempunyai sifat bongkak dan takbur yang hanya ingin arahan mereka diikuti sedangkan mereka sendiri langsung tidak mahu menerima pendapat orang lain.

"Keadaan ini akan mengeruhkan suasana kampung dan menimbulkan rasa tidak puas hati kepada penduduk," katanya.

(END)